

KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

Tajuk 1 : ASAS KOMUNIKASI

OBJEKTIF

- Selepas mempelajari topik ini, pelajar dapat:
- 1. Menghuraikan definisi komunikasi
- 2. Menerangkan elemen dan proses komunikasi
- 3. Mengenali pasti bidang-bidang komunikasi
- 4. Membezakan komunikasi lisan dan bukan lisan

DEFINISI KOMUNIKASI

- James A.F. Stoner & Charles Wankel (1989) komunikasi ialah satu cara manusia berhubung yang melibatkan pengertian atau maksud yang dikongsi, dengan syarat mereka perlu bersetuju dengan definisi istilah-istilah yang digunakan berdasarkan sesuatu yang simbolik seperti isyarat, huruf, nombor, dan perkataan yang melambangkan atau menyerupai idea-idea yang dapat menyampaikan maksud.

DEFINISI KOMUNIKASI

- S. Bernard Rosenblatt dalam bukunya *Communication in Business* (1983) mendefinisikan komunikasi sebagai pertukaran idea, pendapat, maklumat, perhubungan dan sebagainya yang mempunyai tujuan dan dipersembahkan secara peribadi atau tidak peribadi melalui simbol atau isyarat yang bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi.

DEFINISI KOMUNIKASI

- Emery, Ault dan Agee (dlm. Sulaiman Masri, 1997) komunikasi ialah seni memindahkan maklumat, idea, dan sikap daripada seseorang kepada seseorang.
- Sulaiman Masri (1997) merumuskan bahawa, komunikasi bermula apabila satu mesej (maklumat) daripada pengirim (penutur, penulis) dipindahkan menerusi alat atau saluran tertentu kepada penerima (pembaca, pendengar) yang kemudiannya memberikan maklum balas (mengekod dan mentafsir) mesej tersebut.

RUMUSAN DEFINISI KOMUNIKASI

- Proses pertukaran idea dan maklumat antara dua individu atau lebih, dengan maksud untuk berkongsi maklumat dan pengalaman bagi mencari persamaan. Pertukaran idea ini boleh berlaku secara lisan atau tulisan ataupun dengan menggunakan pelbagai deria yang ada pada manusia.

BIDANG-BIDANG KOMUNIKASI

| | |
|---------------------------------|---|
| INTRAPERSONAL (DIRI) | INTERPERSONAL (ANTARA INDIVIDU) |
| KUMPULAN KECIL | AWAM |
| KOMUNIKASI MASSA |  |

KOMUNIKASI INTRAPERSONAL

- berlaku di dalam diri seseorang.
- Seseorang yang sedang berfikir tentang sesuatu perkara sebenarnya ia sedang dalam proses berkomunikasi dengan dirinya.
- bermonolog dengan diri untuk membuat pilihan, keputusan, memberikan sebab dan akibat.

KOMUNIKASI INTERPERSONAL

- Komunikasi antara individu.
- Proses komunikasi yang melibatkan dua orang atau lebih.
- Bersifat terus iaitu bersemuka tanpa menggunakan sebarang perantaraan atau saluran tertentu
- Juga berlaku dalam keadaan yang tidak formal dan bersahaja.

KOMUNIKASI KUMPULAN

- Berperanan membuat keputusan dan dipatuhi oleh semua ahli.
- Berlaku dalam bentuk formal dan tidak formal.
- Contoh : mesyuarat.



PENGUCAPAN AWAM

- Berucap di khalayak ramai
- Seorang kepada ramai orang




Komunikasi Massa


- berlaku untuk sebaran umum
- menggunakan alat-alat media massa seperti akhbar, majalah, radio, televisyen, buku dan risalah.
- Berbentuk sehala dan jika berlaku tindakbalas ia mengambil masa dan tidak pantas interpersonal.



PROSES DAN ELEMEN KOMUNIKASI



PROSES KOMUNIKASI



Proses Komunikasi Secara Mudah

- mesej dan tindak balas sentiasa berlaku secara silih berganti
- Halangan : gangguan yang berlaku pada situasi tersebut seperti bunyi bising, kesibukan, kurang pendengaran, dan sebagainya.

ELEMEN-ELEMEN KOMUNIKASI

- **Penyampai**
 - Individu yang menunjukkan perlakuan berkomunikasi.
 - perlakuan lisan dan bukan lisan
- **Penerima**
 - Individu yang memahami maksud yang disampaikan oleh penyampai maklumat
- **Maklumat / mesej**
 - maksud/ fakta / niat yang difahami oleh penerima maklumat
- **Maklum balas**
 - Perlakuan yang ditunjukkan oleh penerima mesej sebagai tindak balas kepada mesej yang disampaikan oleh penyampai mesej

sambung.....

- **Saluran**
 - Media penyampai maklumat dan pemberi mesej kepada penerima mesej
 - saluran paling asas: melalui pendengaran dan penglihatan
 - saluran-saluran tambahan : media elektronik, lukisan di kanvas atau bahan cetakan dan sebagainya
- **Konteks**
 - Keadaan (situasi) penyampai mesej daripada pemberi ,mesej kepada penerima mesej (contoh: masa, persekitaran fizikal, jumlah peserta dan sebagainya)

KOMUNIKASI LISAN DAN BUKAN LISAN

- Komunikasi lisan berlaku apabila terdapat dua atau tiga komunikator duduk secara bersemuka atau dalam peristiwa bahasa seperti perbualan dalam telefon, atau tele-sidang.



- **Komunikasi lisan:**
 - ~ maksudnya boleh dinyatakan dengan suara dan penggunaan perkataan
 - ~ dapat menentukan bila bermula dan berakhir
- **Komunikasi bukan lisan:**
 - ~ berlaku tanpa menggunakan sebarang perkataan
 - ~ kandungan boleh menunjukkan maksud yang tersirat
 - ~ sukar untuk dipastikan bila berakhir kerana mungkin tersembunyi.

- Lazimnya mesej komunikasi sama ada lisan atau bukan lisan akan timbul serentak. Contoh:

"Masuklah...!!! (dengan wajah wajah manis dan suara yang lembut)

lisan bukan lisan
(boleh bermaksud menerima kedatangan dengan senang hati)

KOMUNIKASI BUKAN LISAN – PERGERAKAN BADAN



KOMUNIKASI BUKAN LISAN – PERGERAKAN MUKA



KOMUNIKASI BUKAN LISAN – PERGERAKAN MATA



Terkejut



Risau



mencurigai



marah

KESIMPULAN



- Komunikasi penting dalam kehidupan seharian manusia untuk berhubung dan melaksanakan sesuatu tugas.
- Komunikasi yang berkesan dapat mengekalkan persahabatan dan perhubungan yang baik .

*Yang kurik itu kundi
Yang merah itu saga
Yang molek itu budi
Yang indah itu bahasa*